A

Chui Kah Fai lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-43–01 TAHUN 2022
HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH DAN AZMI ARIFFIN HHMR
6 MEI 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh disabitkan dengan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dijatuhkan hukuman mati — Dadah di jumpai di dalam bagasi tertuduh di lapangan terbang — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan tentang dadah — Sama ada tertuduh 'innocent carrier' yang tidak mengetahui kehadiran dadah dalam bagasi — Sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan milikan dadah — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam memutuskan perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah kerana terdapat DNA perayu pada sehelai pakaian di dalam bagasi yang mengandungi dadah — Sama ada sabitan dan hukuman selamat — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

D

E

Ketika polis bantuan SP5 dan SP3 sedang bertugas di bahagian Out of Gauge ('OOG'), Bangunan Terminal Utama, KLIA, SP5 telah melihat seorang lelaki Cina ('perayu') sedang meletakkan bagasinya ('P7') di mesin pengimbas untuk diimbas. Ketika P7 diimbas, SP5 melihat melalui paparan mesin pengimbas satu imej berbentuk petak dengan warna biru hijau yang mencurigakan di dalam P7. SP5 kemudiannya bertanya kepada perayu tentang kandungan P7 tetapi perayu menjawab bahawa kandungan dalam P7 adalah seluar. Jawapan perayu diragui oleh SP5 dan SP5 bertanya kepada perayu buat kali kedua. Kali ini, perayu memberi jawapan bahawa barang dalam P7 adalah makanan. Apabila diarahkan oleh SP5 untuk membuka P7, perayu telah gagal membuka P7 dengan kombinasi kuncinya dan memaklumkan kepada SP5 bahawa dia tidak ingat kombinasi kunci tersebut. Oleh itu, SP5 bertanya kepada perayu tentang pemilik P dan perayu telah menjawab bahawa P7 tersebut adalah kepunyaan abangnya. Lalu, SP5 meminta perayu menghubungi abangnya untuk mendapatkan kombinasi kunci tersebut. Perayu telah membuat panggilan telefon kepada seseorang dan selepas itu, perayu cuba sekali lagi membuka P7, tetapi gagal dibuka. Kemudian, perayu memberitahu SP5 bahawa dia ingin menelefon abangnya sekali lagi dan berjalan keluar tergesa-gesa dari tempat pemeriksaan menuju ke arah pintu keluar. Perayu juga telah memberitahu bahawa dia hendak menjumpa kawannya, tidak memerlukan P7 dan telah cuba memberi wang sebanyak RM10,000 kepada SP5. SP5 menolak tawaran perayu lalu membawa perayu kembali ke OOG.

F

G

H

I

Selepas itu, ketika SP3 cuba membuat panggilan telefon kepada pihak Security Officer Centre ('SOC'), perayu telah menghalang SP3 daripada membuat panggilan tersebut dan kali ini menawarkan wang sebanyak RM10,000 supaya SP3 tidak menghubungi SOC. Berikutan itu, oleh kerana perayu telah bertindak agresif dan cemas, SP5 dan SP3 telah meminta bantuan dua orang anggota polis untuk membawa perayu ke pondok polis. Di pondok polis, SP5 telah mengambil alat pemotong zip dan meminta perayu membuka P7. Apabila P7 dibuka, SP5 mengarahkan perayu mengeluarkan pakaian di dalam P7. Perayu dalam keadaan takut telah menarik keluar pakaian pertama dan kedua dan meletakkannya ditepi dalam keadaan berhati-hati yang menurut SP5 seolah-olah seperti ada sesuatu yang tersembunyi. Apabila semua pakaian dikeluarkan, SP5 mendapati terdapat barang berbentuk petak dalam empat helai pakaian. Kemudian SP5 menanyakan perayu apa isi kandungan didalamnya, tetapi perayu hanya berdiam diri. Apabila pasukan narkotik sampai, SP5 mengarahkan perayu mengeluarkan semula semua pakaian di dalam bagasi P7 dan mengeluarkan bungkusan peket aluminium dari dalam lipatan baju pertama, kedua, ketiga dan keempat. Hasil analisa mengesahkan bahawa bahan-bahan yang dijumpai dalam empat pakaian merupakan dadah berbahaya jenis methamphetamine dengan berat berjumlah 7,296.7g. Berikutan itu, perayu telah dipertuduh dengan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam pembelaannya, perayu telah mengatakan bahawa P7 yang dibawanya adalah kepunyaan majikan perayu yang bernama Jackie dan Jackie telah memberitahu perayu bahawa P7 berisi teh premium serta menyuruh perayu membawanya ke Sabah. Dengan ini, perayu menafikan mempunyai pengetahuan mengenai kandungan P7. Walau bagai manapun, Mahkamah Tinggi telah menyabitkan perayu dan mengenakan hukuman gantung sampai mati terhadap perayu. Oleh itu rayuan ini. Isu yang dibangkitkan oleh perayu ialah hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah kerana terdapat DNA perayu pada sehelai pakaian di dalam P7 yang mengandungi dadah.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan; mengantikan hukuman mati dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun:

(1) DNA perayu pada sehelai pakaian hanyalah satu daripada beberapa faktor yang diambil kira oleh HMT untuk menunjukkan bahawa perayu ada pengetahuan mengenai dadah di dalam beg yang dibawanya. Antara faktor lain yang diambil kira oleh HMT adalah: (a) cara dadah-dadah itu disembunyikan dalam P7; dan (b) tingkah laku perayu. Kesemua faktor-faktor, bila digabungkan bersama membawa kepada satu inferen sahaja iaitu perayu ada pengetahuan bahawa perayu membawa satu beg yang mengandungi dadah. Oleh itu, HMT tidak terkhilaf apabila memutuskan perayu mempunyai pengetahuan adanya dadah di dalam P7 (lihat perenggan 25–27).

(2) Setelah menilai semua keterangan, HMT memutuskan bahawa pembelaan innocent carrier adalah pembelaan yang direka kemudian, tidak munasabah dan tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Dapatan HMT dibuat berasaskan beberapa fakta iaitu: (a) nama dan kaitan Jackie dengan P7 tidak pernah dibangkitkan semasa SP5 memberi keterangan, malah, keterangan SP5 ialah perayu memberitahu bagasi tersebut adalah kepunyaan abangnya; (b) perayu tidak dapat memberikan butir-butir lengkap Jackie; (c) adalah tidak munasabah untuk Jackie mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menghantar teh premium ke Sabah; (d) tiada keterangan kepada siapa teh premium itu hendak diserahkan di Sabah; dan (e) perayu berbohong bila mengatakan beg berisi seluar dalam, makanan dan teh premium. Pembohongan perayu ini menidakkan perayu adalah innocent carrier. Oleh itu, HMT adalah betul apabila menolak pembelaan innocent carrier (lihat perenggan 30–31).

(3) Dengan jumlah dadah yang begitu banyak, melebihi berat statutori 50 gram, adalah mustahil dadah-dadah itu adalah untuk kegunaan perayu sendiri. Anggapan pengedaran di bawah s 37(da) (xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap perayu. Perayu gagal mematahkan anggapan pengedaran. Oleh itu, pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya dan sabitan ke atas perayu adalah selamat (lihat perenggan 32–33).

(4) Mengenai hukuman, dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, hukuman mati bukanlah lagi mandatori. Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk mengenakan hukuman alternatif iaitu pemenjaraan selama 30 tahun serta tidak kurang dari 12 sebatan rotan. Pendakwaan telah menawarkan hukuman alternatif ini kepada perayu dan tawaran pendakwaan telah diterima oleh perayu. Oleh itu, hukuman mati diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 30 tahun dari tarikh tangkap serta juga dikenakan 12 sebatan rotan ke atas perayu (lihat perenggan 34).

[English summary

When the auxiliary police SP5 and SP3 were on duty at the Out of Gauge ('OOG') section, Main Terminal Building, KLIA, SP5 saw a Chinese man ('appellant') placed his luggage ('P7') on the scanning machine to be scanned. When P7 was scanned, SP5 saw through the scanner's display a box-shaped image with a suspicious blue-green color inside P7. SP5 then asked the appellant about the contents of P7 but the appellant replied that the contents of P7 were trousers. The appellant's answer was doubted by SP5 and SP5 asked the appellant a second time. This time, the appellant answered that the item in P7 was food. When directed by SP5 to open P7, the appellant failed to open P7 with his key combination and informed SP5 that he did not remember the key

combination. Therefore, SP5 asked the appellant about the owner of P7 and the appellant replied that the said P7 belonged to his brother. Then, SP5 asked the appellant to contact his brother to get the key combination. The appellant made a phone call to someone and after that, the appellant tried again to open P7, but failed to open it. Later, the appellant told SP5 that he wanted to call his brother again and hurriedly walked out of the checkpoint towards the exit. The appellant also told that he wanted to see his friend, did not need P7 and had tried to give RM10,000 to SP5. SP5 rejected the appellant's offer and brought the appellant back to OOG. After that, when SP3 tried to make a phone call to the Security Officer Center ('SOC'), the appellant prevented SP3 from making the call and this time offered money of RM10,000 so that SP3 would not call SOC. Following that, because the appellant had acted aggressively and anxiously, SP5 and SP3 requested the help of two policemen to take the appellant to the police hut. At the police hut, SP5 took a zip cutter and asked the appellant to open P7. When P7 was opened, SP5 ordered the appellant to remove the clothes inside P7. Appellant in a state of fear pulled out the first and second clothes and put them aside in a cautious manner which according to SP5 seemed as if there was something hidden. When all the clothes were removed, SP5 found a box-shaped item in four pieces of clothing. Then SP5 asked the appellant what was in it, but the appellant remained silent. When the narcotics team arrived, SP5 ordered the appellant to take out all the clothes in P7's luggage and take out the aluminum packets from the folds of the first, second, third and fourth shirt. The results of the analysis confirmed that the substances found in the four clothes were dangerous drugs of the methamphetamine type with a weight of 7,296.7g. Following that, the appellant was charged with an offense under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. In his defence, the appellant said that the P7 he was carrying belonged to the appellant's employer named Jackie and Jackie had told the appellant that the P7 contained premium tea and told the appellant to take it to Sabah. With this, the appellant denies having knowledge of the contents of P7. However, the High Court convicted the appellant and imposed a sentence of death by hanging on the appellant. Hence this appeal. The issue raised by the appellant was that the High Court Judge ('HMT') erred when he ruled that the appellant had knowledge of drugs because there was the appellant's DNA on a piece of clothing in P7 that contained drugs.

Held, dismissing the appeal against the conviction; replace the death penalty with imprisonment for 30 years:

(1) The appellant's DNA on a piece of clothing was only one of several factors taken into account by the HMT to show that the appellant had knowledge of the drugs in the bag he was carrying. Among other factors taken into account by HMT are: (a) the way the drugs were hidden in P7; and (b) the conduct of the appellant. All the factors, when combined together lead to only one inference that the appellant had knowledge

A that the appellant was carrying a bag containing drugs. Therefore, the HMT was not wrong when he decided that the appellant had knowledge of the presence of drugs in P7 (see paras 25–27).

(2) After evaluating all the evidence, the HMT decided that the defence of B innocent carrier was a defence that was devised later, was unreasonable and does not raise reasonable doubt to the prosecution's case. The HMT's findings were based on several facts, namely: (a) Jackie's name and relationship with P7 was never raised when SP5 testified, in fact, SP5's testimony was that the appellant said the luggage belonged to his C brother; (b) the appellant was unable to provide full details of Jackie; (c) it was unreasonable for Jackie to spend a lot of money to send premium tea to Sabah; (d) there was no evidence to whom the premium tea was to be handed over in Sabah; and (e) the appellant lied when he said the bag contained underwear, food and premium tea. The appellant's lie did not D makes the appellant an innocent carrier. Therefore, HMT was correct in rejecting the innocent carrier defence (see paras 30–31).

(3) With such a large amount of drugs, exceeding the statutory weight of 50g, it was impossible that the drugs were for the appellant's own use. E The presumption of trafficking under s 37(da) (xvi) of the Dangerous Drugs Act 1952 applies to the appellant. Appellant failed to rebut the presumption of trafficking. Therefore, the prosecution has succeeded in proving that the appellant has committed the offense of trafficking in dangerous drugs and the conviction of the appellant wa safe (see paras F 32–33).

(4) Regarding the punishment, with the come into force of the The Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023, the death penalty is no longer mandatory. The court has the discretionary power to impose an G alternative sentence which was imprisonment for 30 years and not less than 12 strokes of the cane. The prosecution offered this alternative sentence to the appellant and the prosecution's offer was accepted by the appellant. Therefore, the death sentence was set aside and replaced with a imprisonment of 30 years from the date of arrest and also imposed 12 H strokes of the cane on the appellant (see para 34).]

Kes-kes yang dirujuk

Mohd Hanafi bin Safii v PP [2013] 5 MLJ 87; [2012] 1 LNS 814, MR (dirujuk)

I

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da)(xvi), 39B(1)(a), Jadual Pertama
Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Chui Kah Fai* [2022] MLJU 1070 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Kitson Foong (Chew Jee San bersamanya) (Kit & Assoc) bagi pihak perayu.
Dhiya Syazwani Izyan bt Mohd Akhir (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR:

PENGENALAN

[1] Pada 21 Januari 2022, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah mensabitkan perayu, Chui Kah Fai bersalah kerana mengedar dadah berbahaya iaitu 7,296.7g methamphetamine, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan beliau dihukum dengan hukuman gantung di leher sampai mati.

[2] Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman ke mahkamah ini. Pada masa rayuan perayu didengar pada 14 March 2024, peguam perayu memaklumkan kepada mahkamah bahawa perayu menarik balik rayuan terhadap sabitan dan bersetuju untuk menerima hukuman alternatif iaitu 30 tahun penjara dan 12 sebatan rotan yang ditawarkan oleh pendakwaan sebagai ganti kepada hukuman mati.

[3] Berikutan dari itu, kami telah membatalkan rayuan perayu terhadap sabitan dan menggantikan hukuman mati dengan hukuman 30 tahun pemenjaraan dari tarikh tangkap 27 Oktober 2019 dan juga dikenakan 12 sebatan rotan.

[4] Perayu nampaknya telah mengubah fikiran apabila beliau merayu terhadap sabitan dan hukuman ke Mahkamah Persekutuan.

> Pertuduhan
>
> Bahawa kamu pada 27.10.2019, jam lebih kurang 5.10 petang, bertempat di mesin pengimbas OOG2 (Out of Gauge 2) Aras 5 MTB KLIA, di dalam Daerah Sepang, dalam Negeri Selangor telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 7,296.7 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[5] Fakta kes yang dibentangkan oleh hakim bicara adalah seperti berikut. Pada 27 Oktober 2019, Polis Bantuan Kpl Mohd Redzwany bin Abdullah ('SP5') bertugas bersama Polis Bantuan Mohd Ridzwani bin Mahmud ('SP3')

di bahagian *Out of Gauge* ('OOG') Aras 2, Bangunan Terminal Utama, KLIA. Bahagian OOG merupakan bahagian di mana penumpang yang membawa bagasi yang melebihi saiz dan lewat untuk menaiki pesawat untuk membuat proses pengimbasan.

[6] Pada jam lebih kurang 5.10 petang, SP5 melihat seorang lelaki Cina berbaju merah (dicamkan sebagai perayu) sedang menarik bagasi berwarna ungu ('P7') menghala ke mesin pengimbas dan kemudian meletakkan bagasinya di mesin pengimbas untuk diimbas.

[7] Ketika bagasi P7 diimbas, SP5 melihat melalui paparan mesin pengimbas satu imej berbentuk petak dengan warna biru hijau yang mencurigakan di dalam bagasi tersebut. SP5 kemudiannya menanya perayu 'Dalam bagasi awak ada apa?' Perayu menjawab 'Tiada apa-apa boss cuma ada seluar dalam'. Jawapan perayu diragui oleh SP5 kerana jika seluar atau pakaian, paparan akan menunjukkan warna oren. SP5 menanya perayu buat kali kedua. Buat kali kedua ini, perayu memberi jawapan barang yang dibawa adalah makanan. SP5 kemudian mengarahkan perayu masuk ke tempat pemeriksaan di sebelah mesin pengimbas untuk bagasi P7 diperiksa.

[8] Di tempat pemeriksaan itu, SP5 telah mengarahkan perayu untuk membuka bagasi P7. Perayu cuba membuka bagasi P7 dengan menggunakan kombinasi kunci, tetapi gagal dibuka. Perayu memberitahu dia tidak ingat kombinasi kunci tersebut. SP5 menanya perayu 'Beg itu milik siapa'? Perayu menjawab beg itu kepunyaan abangnya. Lalu SP5 meminta perayu menghubungi abangnya untuk mendapatkan kombinasi kunci tersebut. Perayu dilihat membuat panggilan telefon kepada seseorang. Selepas itu, perayu cuba sekali lagi membuka bagasi P7, tetapi gagal dibuka. Kemudian, perayu memberitahu SP5 bahawa dia ingin menelefon abangnya. Selepas itu, perayu berjalan keluar tergesa-gesa dari tempat pemeriksaan menuju ke arah pintu keluar sambil membuat panggilan dan bercakap dengan telefon bimbit.

[9] Melihat tingkah laku perayu itu, SP5 bersama SP3 telah mengekori perayu dari belakang, tetapi perayu berjalan semakin jauh. SP5 kemudian telah memanggil perayu 'Boss U nak ke mana'. Perayu kemudian berpatah balik pergi kepada SP5 dan memberitahu SP5 bahawa dia hendak pergi berjumpa kawannya. SP5 lalu bertanya perayu 'Beg U macam mana'. Perayu menjawab 'Tak apalah U ambillah Boss beg saya. Saya tak mahu'. Perayu seterusnya memberitahu SP5 'I bagi U duit RM10 ribu'. SP5 menolak tawaran perayu lalu membawa perayu ke OOG yang sama.

[10] Di OOG tersebut, perayu masih mengatakan dia tidak hendak bagasi P7 itu lagi. SP5 telah meminta SP3 menghubungi pihak *Security Officer Centre* ('SOC'). Ketika SP3 cuba membuat panggilan telefon kepada SOC, perayu

telah menghalang SP3 membuat panggilan dengan menekan butang memutuskan panggilan telefon bimbit SP3. Menurut SP3, perayu telah menawarkan sejumlah wang supaya SP3 tidak menghubungi SOC dengan mengatakan 'Boss kautim Boss, nanti saya beri U RM10 ribu'. Tetapi SP3 terus membuat panggilan kepada SOC dengan memaklumkan bagasi perayu mengandungi imej yang mencurigakan dan perayu gagal membuka bagasi itu. Pada masa yang sama, SP3 telah meminta bantuan kepada dua orang anggota polis yang kebetulan meronda disitu untuk menenangkan perayu yang mula cemas dan bertindak agresif serta tidak memberi kerjasama. Anggota polis itu kemudian telah membawa perayu ke pondok polis Aras 5 dengan perayu membawa bagasi P7 dan SP5 mengekori dari belakang.

[11] Di pondok polis itu, SP5 telah meminta perayu membuka bagasi P7, tetapi dia enggan dengan mengatakan 'Tak boleh buka password tak tahu'. Lalu SP5 mengambil alat pemotong zip dan meminta perayu sendiri membuka bagasi P7 dengan menggunakan alat pemotong zip. Akur dengan arahan SP5, perayu memotong zip dan membuka separuh dari bagasi P7 dalam keadaan was-was. SP5 mengarahkan perayu membuka sepenuhnya bagasi P7. Apabila P7 dibuka, perayu menunjukkan dan berkata hanya ada pakaian sahaja. SP5 mengarahkan perayu mengeluarkan pakaian dalam P7 sehelai demi sehelai. Perayu dalam keadaan takut telah menarik keluar pakaian pertama dan kedua dan meletakkannya ditepi dalam keadaan berhati-hati yang menurut SP5 seolah-olah seperti ada sesuatu yang tersembunyi. Semasa perayu cuba mengeluarkan pakaian ketiga secara perlahan-lahan dan apabila diangkat ada sesuatu barang berbentuk petak jatuh dari pakaian tersebut. Perayu nampak terkejut. SP5 mengarahkan barang itu diletak di tepi. Seterusnya, perayu diarahkan mengeluarkan kesemua pakaian dalam bagasi P7.

[12] Apabila semua pakaian dikeluarkan, SP5 mendapati terdapat barang berbentuk petak dalam empat helai pakaian. Kemudian SP5 mengambil barang petak yang pertama dan menanyakan perayu apa isi kandungan didalamnya, tetapi perayu hanya berdiam diri. SP5 mendapati barang berbentuk petak itu adalah satu bungkusan *foil* aluminium. Apabila dibuka *foil* aluminium, SP5 mendapati terdapat satu kertas karbon warna biru yang di dalamnya mengandungi satu bungkusan warna hijau. Di dalam bungkusan warna hijau itu, SP5 mendapati di dalamnya mengandungi satu *foil* aluminium kedua yang di dalamnya mengandungi satu plastik lutsinar yang mengandungi bahan seperti gula atau kristal. SP5 sekali lagi menanya perayu apakah barang itu, tetapi perayu hanya mendiamkan diri.

[13] SP5 kemudian meletakkan semula barang yang dijumpai dalam petak tersebut seperti asal dan meletakkan semua petak itu dalam lipatan baju yang dijumpai seperti keadaan asal di dalam bagasi P7 dengan diperhatikan oleh

perayu. Kemudian bagasi P7 ditutup dan dizipkan semula oleh perayu. SP5 menunggu disitu sehingga pasukan narkotik sampai.

[14] Apabila pasukan narkotik sampai, SP5 telah membawa perayu berserta bagasi P7 yang dibawa sendiri oleh perayu ke bilik narkotik di Aras MTB. Di bilik itu, SP5 mengarahkan perayu mengeluarkan semula semua pakaian di dalam bagasi P7 dan disusun di atas lantai. Atas arahan SP5, perayu telah mengeluarkan bungkusan peket aluminium dari dalam lipatan baju pertama, kedua, ketiga dan keempat. Semua bungkusan petak aluminium telah diletak dan disusun oleh SP5 di atas meja selari dengan baju yang disusun di atas lantai di mana bungkusan itu dijumpai.

[15] Hasil pemeriksaan SP5, bahan-bahan yang disyaki dadah dijumpai dalam empat pakaian berikut:

(a) baju pertama — tshirt warna hijau muda bertulis *Game of Throne* mengandungi dua bungkusan aluminium *foil*. Setiap satu aluminium *foil* mengandungi satu lagi bungkusan aluminium *foil* mengandungi satu plastik berisi bahan kristal disyaki dadah. Dari dua bungkusan aluminium *foil* ini, terdapat dua plastik berisi dadah;

(b) baju kedua — tshirt warna biru muda bertulis *Game of Throne* mengandungi dua bungkusan aluminium *foil*. Setiap satu aluminium *foil* mengandungi satu lagi bungkusan aluminium *foil* mengandungi satu plastic berisi bahan kristal disyaki dadah. Dari dua bungkusan aluminium *foil* ini terdapat dua plastik berisi dadah;

(c) baju ketiga — tshirt warna merah jambu bertulis Bossku mengandungi dua bungkusan aluminium *foil*. Setiap satu aluminium *foil* mengandungi satu lagi bungkusan aluminium *foil* mengandungi satu plastik berisi bahan kristal disyaki dadah. Dari dua bungkusan aluminium *foil* ini, terdapat dua plastik berisi dadah; dan

(d) baju keempat — tshirt warna kelabu bertulis *Hard Roc Café* mengandungi empat bungkusan aluminium *foil*. Setiap aluminium *foil* mengandungi satu plastik berisi bahan kristal disyaki dadah. Dari empat bungkusan aluminium *foil* ini, terdapat empat plastik berisi dadah.

[16] Kesemua bahan kristal yang dijumpai dan dirampas dari bagasi yang dibawa oleh perayu telah dianalisa dan disahkan oleh ahli kimia ('SP7') sebagai dadah berbahaya jenis methamphetamine seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan beratnya berjumlah 7,296.7g.

[17] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie dan memanggil perayu membela diri.

KES PEMBELAAN

[18] Keterangan bersumpah perayu adalah seperti berikut. Beliau bekerja sebagai pencuci kereta sejak tahun 2017 hingga dia ditangkap pada 27 Oktober 2019. Majikan beliau bernama Jackie. Nama panggilan lain Jackie ialah Ah Fei.

[19] Kira-kira dua minggu sebelum kejadian, perayu telah dihubungi oleh Jackie melalui telefon meminta bantuan perayu untuk menghantar satu bagasi yang mengandungi teh ke Kota Kinabalu, Sabah dengan kos perjalanan, makan minum dan penerbangan ditanggung oleh Jackie. Oleh kerana Jackie adalah kawan dan majikan perayu, perayu bersetuju untuk membantu Jackie.

[20] Setelah Jackie membeli tiket penerbangan ke Sabah, Jackie mengajak perayu datang berjumpanya. Pada 27 Oktober 2019 kira-kira jam 2 petang, perayu telah berjumpa Jackie di satu tempat di Batu 9, Cheras berdekatan dengan Bangunan Suntex. Di perjumpaan itu, Jackie telah mengambil satu bagasi dari keretanya dan menyerahkan bagasi itu kepada perayu. Jackie meminta perayu menghantar bagasi itu ke Sabah. Jackie juga telah memberi wang saku RM600 kepada perayu. Perayu telah menanya Jackie isi kandungan bagasi tersebut. Jackie memberitahu perayu bahawa bagasi itu mengandungi teh premium yang berharga. Perayu mengambil bagasi tersebut dan terus ke Lapangan Terbang KLIA dengan menaiki kereta grab.

[21] Di KLIA, beliau telah diberi gunting untuk memotong zip bagasi. Setelah bagasi dibuka, perayu mengeluarkan baju-baju dari dalam beg. Semasa baju dikeluarkan, telah terkeluar satu kotak dari lipatan baju. Kotak itu dibalut dengan kertas majalah. Perayu hanya mengeluarkan tiga helai pakaian dari dalam beg. Selepas itu, pegawai penyiasat dan pegawai polis lain telah keluarkan barang dan pakaian dalam beg. Perayu kemudian dibawa ke pejabat narkotik Aras 3, MTB KLIA untuk pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan, telah dijumpai sepuluh bungkusan aluminium *foil* yang mengandungi bahan kristal disyaki dadah.

[22] Perayu menyatakan semua pakaian dan barang-barang lain di dalam bagasi P7 bukan kepunyaannya dan tidak ada apa-apa barang miliknya di dalam bagasi tersebut.

[23] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan perayu yang mengatakan beliau tidak tahu bagasi P7 yang dibawanya mengandungi dadah berbahaya dan dia hanya merupakan seorang pembawa yang tidak

bersalah adalah satu cerita yang direka-reka dan hanya penafian semata-mata. Pembelaan sebegini adalah tidak munasabah untuk dipercayai dan gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

RAYUAN

[24] Satu-satunya isu yang dibangkitkan oleh perayu ialah hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah kerana terdapat DNA perayu pada sehelai pakaian di dalam bagasi P7 yang mengandungi dadah. Dapatan hakim bicara itu dinyatakan dalam perenggan [25] alasan penghakiman seperti berikut:

> [25] Selain itu terdapat DNA tertuduh pada salah satu baju tersebut disamping terdapat tag beg yang menunjukkan beg kepunyaan tertuduh. Semua faktor ini menjurus kepada inferen bahawa tertuduh mengetahui dadah-dadah yang ada di dalam bagasi itu.

KEPUTUSAN KAMI

[25] Kami mendapati DNA perayu pada sehelai pakaian hanyalah satu daripada beberapa faktor yang diambil kira oleh hakim bicara untuk menunjukkan bahawa perayu ada pengetahuan mengenai dadah di dalam beg yang dibawanya.

[26] Faktor-faktor lain yang diambil kira oleh hakim bicara adalah:

(a) cara dadah-dadah itu disembunyikan dalam beg. Dadah-dadah itu disorok dengan cara diselitkan dalam lipatan baju. Selain daripada itu, dadah-dadah itu dibungkus secara rapi dengan aluminium *foil*, kertas karbon, peket plastik dan satu lagi aluminium *foil* yang lain serta disalut dengan plastik lutsinar. Pembungkusan dan penyembunyian sedemikian rupa menunjukkan pembawa bagasi mengetahui barang yang dibungkus itu adalah barang yang menyalahi undang-undang dan cuba menghindarkan dari dapat dikesan oleh pihak berkuasa; dan

(b) tingkah laku perayu yang berikut:

(i) beliau memberi jawapan yang berdolak dalik apabila ditanya oleh SP5 apa barang yang ada dalam bagasi itu. Kali pertama dijawab oleh perayu mengandungi seluar dalam. Kali kedua perayu mengatakan makanan;

(ii) perayu cuba berjalan keluar dari tempat pemeriksaan seolah-olah cuba melarikan diri dan meninggalkan bagasinya;

(iii) perayu mencadangkan kepada SP5 supaya SP5 sahaja yang menyimpan bagasi apabila SP5 menanya perayu bagaimana dengan bagasi yang ditinggalkannya;

(iv) perayu cuba memberi rasuah kepada SP3 dan SP5 dengan menawarkan sejumlah wang supaya SP3 dan SP5 tidak mengambil tindakan seterusnya; dan

(v) keadaan perayu yang takut dan berhati-hati semasa mengeluarkan baju dari bagasi tersebut seolah-olah seperti ada sesuatu yang tersembunyi.

[27] Kesemua faktor-faktor di atas, bila digabungkan bersama membawa kepada satu inferen sahaja iaitu perayu ada pengetahuan bahawa beliau membawa satu beg yang mengandungi dadah. Oleh itu, kami mendapati hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan perayu mempunyai pengetahuan adanya dadah di dalam bagasi P7.

[28] Mengenai pembelaan perayu bahawa beliau adalah pembawa yang tidak bersalah (*innocent carrier*), hakim bicara mengambil pendekatan yang betul iaitu dengan meneliti keseluruhan kes pendakwaan dan pembelaan untuk menentukan sama ada perayu ada pengetahuan dia membawa beg berisi dadah. hakim bicara merujuk kepada kes *Mohd Hanafi bin Safii v Public Prosecutor* [2013] 5 MLJ 87; [2012] 1 LNS 814, di mana Mahkamah Rayuan menyatakan:

> It is thus not enough for an accused merely to assert absence of knowledge. The facts of the case must be examined as a whole to see whether he had good reason to suspect that he was carrying drugs. In *Yieo Choon Huat v Public Prosecutor* [1998] 1 SLR 217, this court held (at pp 226–227): In short, ignorance is a defence only when there is no reason for suspicion and no right and opportunity of examination; ignorance simpliciter is not enough.

[29] Dalam kes ini, perayu mengatakan bagasi P7 yang dibawanya adalah kepunyaan majikan beliau bernama Jackie. Jackie memberitahu perayu beg itu berisi teh premium yang berharga dan menyuruh perayu membawanya ke Sabah. Bahawa perayu tidak boleh membuka beg kerana perayu tidak tahu kombinasi kunci beg. Kombinasi kunci beg hanya diketahui oleh Jackie. Dalam keadaan-keadaan ini, perayu menafikan beliau tahu beg itu berisi dadah.

[30] Setelah menilai semua keterangan, hakim bicara memutuskan pembelaan *innocent carrier* adalah pembelaan yang direka kemudian, tidak munasabah dan tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Dapatan hakim bicara itu dibuat berasaskan fakta-fakta berikut:

(a) nama dan kaitan Jackie dengan bagasi P7 tidak pernah dibangkitkan semasa SP5 memberi keterangan. Malah, keterangan SP5 ialah perayu memberitahu bagasi tersebut adalah kepunyaan abangnya;

(b) perayu tidak dapat memberikan butir-butir lengkap Jackie seperti nombor telefon Jackie dan alamat rumah beliau kepada SP3 atau SP5

atau pegawai penyiasat SP8. Malah, keterangan SP5 ialah perayu membuat panggilan telefon sambil berjalan keluar tergesa-gesa meninggalkan SP3 dan SP5. Jika penama Jackie itu adalah majikan perayu dan beg itu kepunyaan Jackie, pada masa SP3 dan SP5 menanya perayu pada kali pertama, perayu sepatutnya sudah boleh memberi nama, alamat dan nombor telefon Jackie kepada SP3 atau SP5. Semua perkara ini tidak berlaku. Kegagalan perayu memberikan butiran lengkap Jackie seawal-awalnya menyokong dapatan hakim bicara bahawa penama Jackie ini sebenarnya tidak wujud;

(c) adalah tidak munasabah untuk Jackie mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menghantar teh premium ke Sabah. Sedangkan teh itu boleh dihantar secara pos laju yang lebih mudah, selamat, cepat dan murah. Kesemua perkara ini menunjukkan versi pembelaan perayu adalah tidak munasabah;

(d) satu perkara lagi yang tidak munasabah dengan versi perayu ialah tiada keterangan kepada siapa teh premium itu hendak diserahkan di Sabah; dan

(e) perayu berbohong bila mengatakan beg berisi seluar dalam, makanan dan teh premium. Kesemua barang ini tiada dalam beg. Pembohongan perayu ini menidakkan beliau adalah *innocent carrier*.

[31] Kami mendapati hakim bicara membuat keputusan yang betul apabila menolak pembelaan *innocent carrier*.

[32] Dengan jumlah dadah yang begitu banyak, melebihi berat statutori 50g, adalah mustahil dadah-dadah itu adalah untuk kegunaan perayu sendiri. Anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap perayu. Beliau gagal mematahkan anggapan pengedaran. Oleh itu, pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya.

[33] Atas fakta dan keadaan kes ini, kami sebulat suara mendapati sabitan ke atas perayu adalah selamat.

[34] Mengenai hukuman, dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, hukuman mati bukanlah lagi mandatori. Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk mengenakan hukuman alternatif iaitu pemenjaraan selama 30 tahun serta tidak kurang dari 12 sebatan rotan. Malahan pendakwaan telah menawarkan hukuman alternatif ini kepada perayu. Tawaran pendakwaan telah diterima oleh perayu. Oleh itu, kami mengenepikan hukuman mati dan menggantikannya dengan hukuman penjara 30 tahun dari tarikh tangkap serta juga dikenakan 12 sebatan rotan ke atas perayu.

Rayuan terhadap sabitan ditolak, hukuman gantung digantikan dengan pemenjaraan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju